

01 MAR 2001

Shahrizat-Estet

WANITA ESTET DAPAT PERHATIAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA DAN KELUARGA

KUALA LUMPUR, 1 Mac (Bernama) -- Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga tidak akan mengetepikan kebajikan wanita di estet-estet dalam rangka rancangannya, kata Menteri Datuk Shahrizat Abdul Jalil hari ini.

Beliau berkata, Kementerian bersama-sama Jabatan Hal Ehwal Wanita dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara kini merancang pelbagai program untuk Kementerian itu dengan wanita di estet mendapat perhatian serius.

"Kita sedang merumuskan program dan sudah pasti wanita di estet akan terima perhatian serius," katanya kepada pemberita selepas melancarkan majalah "Graduan" - Kerjaya Baru dan Perkhidmatan Pekerjaan Bagi Siswazah Baru Di Malaysia, di sini.

Mengenai permintaan Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu supaya satu jawatan Setiausaha Parlimen diberi kepada wanita parti itu, beliau berkata Kementerian menyerahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membuat keputusan sewajarnya.

Samy Vellu pada 23 Feb lepas meminta jawatan Setiausaha Parlimen Kementerian baru itu yang dibentuk pada 17 Jan lepas dikhaskan kepada wakil wanita parti itu.

"Beliau (Dr Mahathir) tahu apa yang beliau lakukan," katanya.

Selain MIC, Wanita MCA juga meminta kerajaan melantik wakilnya sebagai Timbalan Menteri di Kementerian baru itu.

Ditanya sama ada beliau memohon untuk mendapat seorang Timbalan Menteri bagi Kementerian itu, Shahrizat berkata: "Tidak, saya tak ada minta untuk timbalan sebab sekarang ini saya sibuk membentuk Kementerian dan mengadakan perbincangan dengan JPA (Jabatan Perkhidmatan Awam) untuk merekrut kakitangan".

Beliau berkata secara idealnya Kementerian memang akan memerlukan seorang Timbalan Menteri tetapi ia terserah kepada Dr Mahathir kerana beliau "tahu apa yang harus dilakukan dan bila untuk melaksanakannya".

Beliau berkata Kementerian kini menunggu untuk mendapat Ketua Setiausaha yang menurut Shahrizat akan dapat diketahui dalam minggu ini.

Shahrizat berkata kelewatan pelantikan KSU Kementerian itu adalah kerana Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman baru mengambil alih tugasnya pada hari yang sama dengan pelantikan beliau sebagai Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga pada 1 Feb lepas.

"Saya tidak tahu siapa KSU Kementerian saya tetapi saya harap pelantikan itu dapat disegerakan," katanya.

Mengulas mengenai perkembangan terbaru di Kementerian itu, Shahrizat berkata apa yang penting sekarang ialah untuk memantapkan sistem-sistem yang berkaitan dengan Kementerian itu kerana ia membabitkan masa depan Kementerian secara keseluruhannya.

"Kita kini meneliti dengan sebaiknya pelbagai modul yang antara lain meliputi tiga bidang utama iaitu dasar, undang-undang dan pelaksanaannya. Kita akan ada unit untuk menjaga hal ehwal ketiga-tiga bidang utama itu, unit untuk program meningkatkan kesedaran dan akhirnya program pembangunan wanita yang sebenarnya," kata beliau.

Beliau berkata, Kementerian itu bercadang untuk mewujudkan perkongsian pintar dengan universiti-universiti yang menjalankan kajian mengenai wanita dan pembangunan serta merencana program-program berdasarkan hasil kajian yang dijalankan universiti terbabit.

-- BERNAMA

ZAI AHH PR